

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 11 Julai 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA MEI 2025

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 0.3 peratus pada Mei 2025, disokong oleh pertumbuhan output yang stabil sebanyak 2.8 peratus dalam sektor Pembuatan

PUTRAJAYA, 11 JULAI 2025 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 0.3 peratus tahun ke tahun pada Mei 2025, disokong oleh pertumbuhan output yang stabil sebanyak 2.8 peratus dalam sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Mei 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Indeks Pengeluaran Perindustrian kekal mencatatkan pertumbuhan positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.3 peratus pada Mei 2025 berbanding 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. Penyederhanaan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan output yang lebih perlahan dalam sektor Pembuatan yang bertumbuh 2.8 (April 2025: 5.6%), manakala sektor Elektrik memulih kepada 0.4 peratus (April 2025: -1.7%). Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan merosot lebih ketara sebanyak 10.2 (April 2025: -6.3%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP kembali mencatatkan

pertumbuhan positif 1.1 peratus, berbanding negatif 8.0 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Pada Mei 2025, industri berorientasikan eksport mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan kepada 2.9 peratus selepas mencatatkan peningkatan 6.4 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan sederhana ini terutamanya disebabkan oleh kemerosotan 4.8 peratus dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis. Ini adalah selari dengan prestasi eksport barangan negara yang mencatatkan penurunan iaitu 5.0 peratus pada Mei 2025 selepas mengalami pertumbuhan positif pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, Pembuatan minyak dan lemak sayuran & haiwan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 15.9 peratus pada Mei 2025. Selain itu, pertumbuhan sektor Pembuatan turut disokong oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal serta Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. masing-masing yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.0 peratus dan 5.7 peratus. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat 5.3 peratus daripada negatif 10.2 peratus pada April 2025.”

Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat sederhana sebanyak 2.6 peratus berbanding peningkatan 3.9 peratus yang direkodkan pada April 2025. Pertumbuhan lebih perlahan ini disebabkan oleh penyusutan 10.1 peratus dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler. Sebaliknya, terdapat peningkatan dalam pengeluaran Pembuatan produk prosesan makanan sebanyak 10.3 peratus. Tambahan pula, pembuatan pengeluaran berkaitan aktiviti pembinaan iaitu Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan meningkat 3.7 peratus pada Mei 2025. Berbanding bulan April 2025, industri berorientasikan domestik meningkat 1.0 peratus berbanding 0.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Pertumbuhan output sektor Perlombongan merosot 10.2 peratus pada Mei 2025 (April 2025: -6.3%) kesan daripada penurunan berterusan dalam pengeluaran Gas Asli dan Minyak Mentah & Kondensat masing-masing merekodkan negatif 16.6 peratus dan negatif 1.6 peratus. Berbanding April 2025, indeks Perlombongan menyusut 12.8 peratus selepas mengalami pertumbuhan negatif 13.9 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penjanaaan Elektrik meningkat 0.4 peratus tahun ke tahun pada Mei 2025 (April 2025: -1.7%). Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik memulih kepada 7.9 peratus (April 2025: -3.2%).”

Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP bertumbuh sederhana termasuk China (5.8%), Amerika Syarikat (0.6%), Singapura (3.9%), Korea Selatan (0.2%), Taiwan (22.6%), Vietnam (11.0%), dan Thailand (1.9%). Sebaliknya, Jepun mengalami kemerosotan 1.8 peratus bagi IPP pada Mei 2025.

Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi lima bulan pertama tahun 2025, Ketua Perangkawan berkata, “IPP bertumbuh pada kadar lebih sederhana iaitu 2.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - Mei 2024: 3.4%) dipengaruhi oleh indeks Perlombongan (-5.1%); dan indeks Elektrik (-1.3%). Sebaliknya, indeks Pembuatan mencatatkan peningkatan 4.1 peratus.”


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah berjaya menduduki kedudukan teratas di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Mei 2024 - Mei 2025




Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia Mei 2024 - Mei 2025




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
April 2025 dan Mei 2025**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Mei 2024 - Mei 2025



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, April 2025 dan Mei 2025



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, April 2025 dan Mei 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
11 JULAI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, July 11th 2025

MEDIA STATEMENT



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA MAY 2025

***The Industrial Production Index rose 0.3 per cent in May 2025,
induced by steady output growth at 2.8 per cent in the
Manufacturing sector***

PUTRAJAYA, JULY 11, 2025 – *The Industrial Production Index rose 0.3 per cent year-on-year in May 2025, induced by steady output growth at 2.8 per cent in the Manufacturing sector. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, May 2025**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.*

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The Industrial Production Index remained positive albeit at a slower rate of 0.3 per cent in May 2025 as compared to 2.7 per cent in the preceding month. The moderation was primarily attributed to the slower output growth in the Manufacturing sector, which grew by 2.8 per cent (April 2025: 5.6%), while the Electricity sector rebounded to 0.4 per cent (April 2025: -1.7%). Nevertheless, the Mining sector plummeted further by 10.2 per cent (April 2025: -6.3%). In comparison with the preceding month, the IPI turnaround to positive growth of 1.1 per cent, in contrast to the negative 8.0 per cent recorded in the previous month."

The Chief Statistician further commented, “In May 2025, the export-oriented industries slowed down to 2.9 per cent after registering an increase of 6.4 per cent in the previous month. The slower growth mainly due to the decrease in the Manufacture of coke & refined petroleum products which registered a decreased of 4.8 per cent. This was in tandem with the decline of country's manufactured goods exports at 5.0 per cent in May 2025 after experiencing positive growth in the preceding month. On the contrary, the Manufacture of vegetable and animal oils & fats registered a double-digit growth of 15.9 per cent in May 2025. Furthermore, the Manufacture of computer, electronics & optical products and Manufacture of machinery & equipment n.e.c. also supported the growth of Manufacturing sector at 6.0 per cent and 5.7 per cent respectively. On a month-on-month basis, export-oriented industries turned upward by 5.3 per cent as againsts negative 10.2 per cent in April 2025.

In the meantime, the domestic-oriented industries grew modestly by 2.6 per cent as opposed to the increase of 3.9 per cent recorded in April 2025. The slower growth was attributable to a decline of 10.1 per cent in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers. In contrast, there was an increase in the production of Manufacture of food processing products at 10.3 per cent. Additionally, the manufacturing output related to construction activities namely the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment increased by 3.7 per cent in May 2025. In comparison with April 2025, the domestic-oriented industries rose to 1.0 per cent as compared to 0.3 per cent registered in the previous month.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, “The growth of output in the Mining sector went down by 10.2 per cent in May 2025 (April 2025: -6.3%) as a consequence of a decrease further in Natural Gas and Crude Oil & Condensate production at negative 16.6 per cent and negative 1.6 per cent respectively. As compared to April 2025, the Mining index dipped by 12.8 per cent after experiencing a negative growth of 13.9 per cent in the preceding month. Meanwhile, the generation of Electricity went up by 0.4 per cent (April 2025: -1.7%) year-on-year in May 2025. On a month-on-month basis, the Electricity index rebounded by 7.9 per cent (April 2025: -3.2%).”

Looking at the performance of several countries, the IPI was slightly grew in China (5.8%), United States (0.6%), Singapore (3.9%), South Korea (0.2%), Taiwan (22.6%), Vietnam (11.0%), and Thailand (1.9%). Conversely, Japan experienced a decline of 1.8 per cent in IPI in May 2025.

Concluding his statement on the IPI performance for the first five months of 2025, the Chief Statistician said, “The IPI grew at a slower rate of 2.0 per cent as compared to the same period of the previous year (January - May 2024: 3.4%), influenced by the Mining index (-5.1%); and Electricity index (-1.3%). Conversely, the Manufacturing index registered an increased at 4.1 per cent.”


ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
May 2024 – May 2025**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
May 2024 – May 2025**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, April 2024 and May 2024




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, May 2024 – May 2025




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, April 2024 and May 2024





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, April 2024 and May 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 JULY 2024**